

☒ KRITERIA KELAYAKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN PELAJAR SABAH

1. Syarat kelayakan asas bagi pemberian bantuan khas ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
 - i. Pelajar merupakan warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah;
 - ii. Salah seorang ibu atau bapa merupakan anak kelahiran negeri Sabah;
 - iii. Tidak menerima sebarang tajaan biasiswa daripada mana-mana pihak;
 - iv. Pendapatan isi keluarga adalah tidak melebihi RM2,000.00;
 - v. Umur pelajar hendaklah tidak melebihi tiga puluh (30) tahun;
 - vi. Peringkat pengajian pelajar adalah peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda;
 - vii. Sedang dalam pengajian dan berstatus aktif pada tarikh yang ditetapkan semasa pengambilan data pelajar; dan
 - viii. Keutamaan adalah diberikan kepada pelajar yang berasal daripada luar bandar.

☒ DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI BANTUAN KHAS KEWANGAN PELAJAR SABAH

1. Pelajar yang telah disenaraikan oleh pihak Universiti perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:-
 - i. Salinan sijil lahir pemohon, ibu dan bapa; (disahkan)
 - ii. Salinan kad pengenalan pemohon; ibu dan bapa; (disahkan)
 - iii. Surat pengesahan status pengajian dari IPT;
 - iv. Slip gaji/surat pengesahan pendapatan ibu bapa; (disahkan)
 - v. Borang Bantuan Khas Kewangan Pelajar Sabah (BKPS);
 - vi. Senarai semak penghantaran dokumen; dan
 - vii. Salinan penyata akaun
2. Pengesahan dokumen boleh dilakukan oleh pihak Universiti sendiri.

3.* Penghantaran borang dan dokumen pelajar perlu dikemukakan selewat-lewatnya **20 Februari 2018** ke alamat berikut:

** Tertakluk kepada sebarang perubahan tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.*

Bahagian Biasiswa, Tingkat 3,

Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah,

Wisma Perindustrian, Jalan Istiadat Likas, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

4. Kelulusan permohonan tertakhluk kepada kesahihan maklumat berdasarkan dokumen yang dikemukakan